

# Lebih 100 nelayan pantai terjejas

Oleh Nuraliawati Sabri  
am@hmetro.com.my  
15/05/23 11:10

Melaka

**M**asalah muara cetek di Sungai Lereh sini bukan hanya menyukarkan lebih 100 nelayan pantai untuk menggerakkan bot mereka malah, menjasakan pendapatan harian apabila tidak dapat berada lama di laut.

Masalah itu dikatakan sudah berlarutan dan makin ketara sejak akhir Mac lalu apabila berlaku perubahan monsun kepada angin selatan.

Muara cetek mengakibatkan masalah lain yang lebih serius dan mengganggu perniagaan nasi nelayan termasuk mengancam keselamatan disebabkan lumpur dalam.

Nelayan Saifulnizam Othman, 42, berkata, disebabkan masalah muara, dia sukar berada lama di laut menangkap ikan kerana bimbang terkandas dan gagal berlabuh di pengkalan.

Katanya, dia dan rakan yang lain turun ke laut se-

NELAYAN Saifulnizam dan Zahnudin (kanan) menunjukkan muara Sungai Lereh yang cetek. - Gambar NSTP/NURALIAWATI SABRI



awal jam 6 pagi dan bergegas pulang sebelum jam 12 tengah hari.

"Jujurnya akibat masalah ini nelayan jadi tawar hati turun ke laut, situasi kami ketika ini mengejar masa. Baru sahaja buang pukat atau jaring, tidak lama kemudian sudah kena tarik.

"Saya sendiri pernah ter-

kena, akibat lambat bergerak pulang, akhirnya terkandas di muara lebih tiga jam.

"Apabila terkandas rakan lain pun tidak boleh berbuat apa-apa (bantu) kerana lumpur amat dalam," katanya.

Menurut Saifulnizam, ada rakan nelayan terkandas tidak bernasib baik apabila hasil tangkapannya membusuk

disebabkan kehabisan air batu dan terperangkap lama di pintu muara.

Lebih 30 tahun menjadikan laut sebagai punca rezeki. Saifulnizam berkata, pendapatan hariannya merosot teruk dan untuk mengutip RM100 juga agak sukar.

"Jika dulu sehari, hasil tangkapannya boleh mencapai

antara RM400 hingga RM500, tetapi kini sukar. Saya menggunakan bot besar, lagi sukar. Jika dulu setiap hari dapat turun (ke laut), kini sebulan kadang enam kali sahaja. Saya berharap mereka yang terbabit menggali dan mendalamkan muara dalam tempoh segera," katanya.

Sementara itu, seorang lagi nelayan Zahnudin Alawi, 53, berkata, sebelum ini nelayan dapat keluar ke laut pada bila-bila masa, tetapi kini perlu menunggu waktu air pasang.

"Dari pengkalan ke muara jaraknya hampir 100 meter, tapi akibat muara cetek ini pergerakan nelayan terbatas.

"Kami jadi bingung kerana masalah ini bukan berlaku seminggu dua, tetapi akan berlarutan dalam tempoh yang lama," katanya.

Zahnudin tidak dinafikan dua tahun lalu sudah ada kerja mendalamkan muara sungai itu dilaksana, namun dakwanya ia tidak bertahan lama kerana dilakukan pada waktu tak sesuai.

"Jika tidak salah sebelum PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) ada korek untuk dalamkan laluan, tetapi tidak sampai setahun sudah terjadi beting pasir," katanya.

>>Ikuti penjelasan pihak berkuasa berhubung isu ini dalam terbitan Harian Metro esok.